

(N.L.C.12A-Pin.4/85)
KANUN TANAH NEGARA
BORANG 6 A
(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN : TUNGGAKAN SEWAKepada **KIMBERLITE SERVICE SDN BHD NO.SYARIKAT: 117295-V****Yang beralamat NO.7, JALAN BRUNAI UTARA, 55100 KUALA LUMPUR****ATAU di alamat ROOM 101, 37-1, JALAN MEDAN TUANKU 50300 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Tuanpunya tanah/ tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual dibawah ini. Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi * tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan , mulai 01 hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh **TIGA (3) BULAN** dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di **Pejabat Tanah Hulu Selangor di Kuala Kubu Bharu** segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ke tiga (3) hingga enam (6) dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

DAN AMBIL PERHATIAN bahwa, jika *jumlah/ mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan diruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh **TIGA (3) bulan** yang tersebut itu maka saya bertandatangan dibawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengistiharkan dengan jalan **PERINTAH** tanah/ tanah-tanah yang berkenaan itu di lucutah kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada **13** haribulan **10** 2017

Pentadbir Tanah

Daerah Hulu Selangor

**Mukim: KERLING****JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN.**

Perihal& No.Hakmilik	No.Lot/Pt	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun.	Fee-Fee dll yang dikenakan sebagai Hasil	Tunggakan Fee (Tunggakan denda lewat Dan denda lewat semasa) dan bayaran terkurang	Jumlah kena dibayar.
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
HSM 190	LOT 1543	RM 49.00	RM 1,056.00	RM 20.00 Bayaran Notis 6A	RM 1,995.60 + RM 217.10	RM 3,337.70

TAMBAHAN.

Kepada yang beralamat di No * Pemegang
gadaian/Pemajak/Pemajak Kecil/Tenan/Pemegang lien/Kaveator/Pemegang esmen.

Sekiranya kamu ada sebab mempercayai bahawa tuanpunya bagi tanah yang dijadualkan di atas dalam mana kamu mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar, maka kamu boleh mengelakkan pelucutan tanah tersebut dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan, jumlah yang dinyatakan berkenaan dengan tanah itu.

DAN AMBIL PERHATIAN bahawa (tanpa menjelaskan apa-apa hak dibawah seksyen itu untuk mendakwa tuanpunya itu secara terus), hak-hak istimewa yang berikut untuk mendapat balik bayaran-bayaran wujud menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara:-

- (a) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kemudiannya kena dibayar atas gadaian itu;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun tenan boleh didapatkan balik dengan memotong amaun itu daripada apa-apa sewa yang pada masa itu atau kemudiannya kena dibayar olehnya kepada tuanpunya tanah itu atau kepada sesiapa yang memegang tanah itu;
- (c) mana-mana pemajak, pemajak kecil atau tenan yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau dialami apa-apa potongan di bawah seksyen itu boleh mendapat balik amaun yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan yang bersamaan daripada amaun sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada 13 haribulan 10, 2017 .

Pentadbir Tanah.....
Daerah Hulu Selangor.


Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara Malaysia menurut Pemberitahuan Undangan No.12 Tahun 1964-A.G 3309 S.F. 1; P.T. TM, 5/65 (4)